

USIM perlu mengorak langkah jadi pencetus inovasi, pusat rujukan

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

nazarudin.shahari@utusanangroup.com.my

SEREMBAN 23 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) perlu mengorak langkah menjadi pencetus inovasi serta pusat rujukan utama pelbagai disiplin ilmu bukan sahaja untuk negara ini malah ke seluruh rantau ini.

Canselor USIM, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud bertitah, bidang ilmu baharu yang lahir hasil inovasi dan kreativiti sesebuah gedung ilmu itu akan memberi manfaat yang berguna kepada masyarakat sejagat.

Baginda yang juga Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan berasa sukacita dengan pencapaian cemerlang yang dikecapi USIM walaupun boleh dianggap sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang muda dari segi usianya.

"Beta menyeru seluruh warga USIM terus berganding bahu dan mengukuhkan tekad mengharumkan nama universiti ini di segenap bidang," titah baginda pada Majlis Konvokesyen USIM Ke-10 di Nilai dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibbi Tuanku Muhriz; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Muhamad Muda dan Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukur Husin.

Majlis hari ini menyaksikan Tunku Ali Redhaudin dimasyhurkan sebagai Pro Canselor USIM.

Dalam majlis itu, Tuanku Aishah



TUANKU AISHAH ROHANI



SEBAHAGIAN daripada graduan USIM gembira selepas menerima Ijazah masing-masing selepas Majlis Konvokesyen USIM Ke-10 di Nilai, Negeri Sembilan semalam.

- UTUSAN/ ABD. RAZAK AID

Rohani berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat) kepada Mohamad Hasan.

Muhamad Muda dalam ucapannya pada majlis itu memberitahu, konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 1,346 graduan menerima ijazah

Khamis - Ahad (22-25 Nov 2012)



dalam bidang masing-masing.

Beliau berkata, graduan itu terdiri daripada sebanyak 1,228 orang di peringkat sarjana muda, diploma lepasan ijazah (79), sarjana (30) dan doktor falsafah (9).

Menurutnya, sebanyak 29 graduan sulung Sarjana Muda Pembedahan Pergigi-

an menerima ijazah masing-masing.

"Dua graduan turut dipilih menerima Anugerah Pelajaran Diraja iaitu graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, Amira Ahmad Ajazi dan graduan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Suger, Nurul Hayati Chamhuri," katanya.

Sementara itu, katanya, Anugerah Canselor diberikan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, Siti Nurhafizah Abdul Rashid manakala penerima

anugerah Pingat Emas Naib Canselor pula diterima graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Nadzirah Mohd. Said.

Sempena konvokesyen itu, Pesta Konvokesyen USIM turut diadakan di pekarangan Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM sejak semalam hingga Ahad ini.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti pertandingan memancing, mewarna dan Konsert Pancaindera malam esok.